

26 JUN 2003

Parlimen-Tanggung

DEWAN RAKYAT DITANGGUH SELEPAS LAPAN HARI BERSIDANG

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Dewan Rakyat yang bersidang selama lapan hari sejak 16 Jun lepas ditangguhkan hari ini ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Sepanjang persidangan Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Parlimen Ke Sepuluh itu, anggota dewan telah meluluskan 14 rang undang-undang, antaranya Rang Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2003, yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Selasa lepas.

Akta itu dibentangkan bagi meminda Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan untuk menambah bilangan anggota Dewan Rakyat ekoran persempadanan semula Bahagian Pilihan Raya yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dari 8 Ogos 2002 hingga 7 September 2002.

Tambahan itu melibatkan enam kerusi baru di Johor, masing-masing lima bagi Sabah dan Selangor, tiga bagi Pahang, dua bagi Pulau Pinang dan masing-masing satu bagi Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tambahan 25 kerusi Parlimen itu menjadikan keseluruhan kerusi Parlimen sebanyak 219 daripada 194 kerusi sedia ada.

Persidangan kali ini juga meluluskan Rang Undang-Undang Latihan Khidmat Negara 2003 yang antara lain mewajibkan mereka yang lahir pada 1986 dan selepas tahun itu menjalani latihan berkenaan mulai tahun depan.

Rang undang-undang itu dibentang dan digulung oleh Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak semalam.

Selain itu, persidangan kali ini turut meluluskan:

- \* Rang Undang-undang Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003
- \* Rang Undang-undang Sistem Pembayaran 2003
- \* Rang Undang-undang Arkib Negara 2003
- \* Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara 2003
- \* Rang Undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003
- \* Rang Undang-undang Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 2003
- \* Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2003
- \* Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2003
- \* Rang Undang-undang Kebangkrapan (Pindaan) 2003
- \* Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2003
- \* Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2003
- \* Rang Undang-undang Istana Negara (Elaun-elaun Diraja) (Pindaan) 2003
- \* Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2003
- \* Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara (Pindaan) 2003

-- BERNAMA

SNS SNS ROS